

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VIII)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

9. Sejak 2008, usaha Kerajaan Negeri telah berjaya menjadikan Pulau Pinang tempat kegemaran pelancong-pelancong asing.
  - (a) Apakah kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kementerian Pelancongan yang diperlukan supaya Pulau Pinang lebih terkenal sebagai destinasi pelancongan antarabangsa? Huraikan.
  - (b) Apakah rancangan pelancongan yang telah dan akan dirancangkan di Pulau Pinang oleh Kerajaan Pusat. Huraikan.

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. (a) Kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) yang diperlukan supaya Pulau Pinang lebih terkenal sebagai destinasi pelancongan antarabangsa adalah seperti berikut:
  - (i) Kerjasama dalam pameran perdagangan pelancongan antarabangsa di bawah Pavilion Malaysia bagi mempromosikan Pulau Pinang secara khususnya dan Malaysia umumnya;
  - (ii) Kerjasama dalam menambah bilangan dan kekerapan

penerbangan terus ke Pulau Pinang;

- (iii) Pembangunan pakej pelancongan Pulau Pinang melalui platform Indonesia-Malaysia-Thailand *Growth Triangle* (IMT-GT). Melalui IMT-GT, pakej-pakej pelancongan Pulau Pinang dapat dibangunkan dan disokong oleh ketiga-tiga negara. Kerajaan Negeri juga dapat meluaskan jaringan perhubungan dengan pengiat industri pelancongan;
  - (iv) Kerjasama untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di homestay. Aktiviti kerjasama ini adalah seperti penganjuran kursus-kursus berkaitan, mewujudkan *homestay* baharu dan pemberian peruntukan kepada pengusaha *homestay*; dan
  - (v) MOTAC bertanggungjawab dalam menyelaras permohonan daripada Kerajaan Negeri bagi projek-projek pembangunan berkaitan pelancongan. Kerjasama MOTAC adalah diperlukan untuk memastikan projek-projek pelancongan di bawah Rancangan Malaysia Ke-sebelas (RMKe-11) dijalankan dengan sempurna. Bagi projek pelancongan baharu, Kerajaan Negeri bekerjasama dengan MOTAC untuk mendapatkan kelulusan serta peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Antara projek yang sedang dalam permohonan adalah Projek *Cable-Car* di Bukit Bendera yang menghubungkan Teluk Bahang dan Bukit Bendera.
- (b) Rancangan pelancongan yang telah dan akan dirancangkan di Pulau Pinang oleh Kerajaan Pusat melalui MOTAC adalah seperti berikut:
- (i) Penganjuran lawatan suai kenal yang melibatkan agensi pelancongan, hotel dan media bagi pembangunan pakej-pakej pelancongan yang bersesuaian. Bagi tempoh

Januari 2017 hingga Jun 2018, MOTAC telah menganjurkan 14 lawatan suai kenal yang melibatkan 440 peserta;

- (ii) Penganjuran program pameran dan misi jualan secara kerjasama dengan Kerajaan Negeri serta penggiat-penggiat industri pelancongan bagi membangunkan pakej-pakej yang lebih menarik dan berdaya maju. Program yang telah dianjurkan termasuk *Penang Trishaw Entourage* 2017 pada September 2017, *International Tourist Attraction Carnival* 2017 (ITAC 2017) pada November 2017 dan *Penang Hot Air Balloon Fiesta* 2018 pada Februari 2018;
- (iii) MOTAC memudahcara keperluan krew penggambaran tempatan dan antarabangsa untuk membuat liputan di Pulau Pinang. Antaranya, penggambaran TVNZOne bagi program *Karena & Casey New Zealand Cooking Show* pada Ogos 2017, penggambaran produk pelancongan Pulau Pinang oleh RTM dan MetroTV Indonesia pada Oktober 2017 dan penggambaran Travelogue #BaikPunya oleh ASTRO pada April 2018;
- (iv) MOTAC mengadakan kerjasama pintar (*smart partnership*) bersama Kerajaan Negeri serta syarikat penerbangan melalui penganjuran lawatan suai kenal untuk meningkatkan penerbangan terus / melalui Pulau Pinang. Penerbangan terus ke Pulau Pinang yang terkini adalah penerbangan AirAsia bermula 1 Julai 2018 melalui sektor Penang-Phuket dengan kekerapan sebanyak tujuh (7) kali seminggu dan melalui sektor Penang-Hanoi dengan kekerapan empat (4) kali seminggu;
- (v) MOTAC mengadakan kerjasama pintar bersama Kerajaan Negeri untuk mempromosikan Pulau Pinang di pameran perdagangan antarabangsa. Kerjasama ini telah

dilaksanakan bagi Program *International Tourism Board* (ITB) China pada Mei 2018. Pameran ITB China merupakan salah satu pameran perdagangan pelancongan terbesar di China;

- (vi) MOTAC membangunkan pakej-pakej pelancongan khusus bagi segmen membeli-belah seperti promosi kepada *Design Village Premium Outlet Penang*. Pakej pelancongan ini merupakan pakej tambahan kepada pakej-pakej pelancongan sedia ada bagi Pulau Pinang. Usaha-usaha promosi pakej pelancongan ini akan tertumpu kepada negara ASEAN yang mempunyai jaringan perhubungan terus dengan Pulau Pinang seperti Medan, Hanoi, Ho Chi Minh City dan Phuket;
- (vii) MOTAC telah mengenal pasti dua (2) kluster ekopelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan di Pulau Pinang. Aktiviti ekopelancongan berasaskan *Community Based Tourism* (CBT) diberi fokus terutamanya program *homestay*. Bagi tahun 2017, program *homestay* telah menjana pendapatan sebanyak RM643,944.00 dengan kemasukan pelancong asing seramai 1,177 orang dan pelancong domestik seramai 4,614 orang; dan
- (viii) Bagi projek-projek pembangunan berkaitan pelancongan, MOTAC bertanggungjawab dalam menyelaras permohonan daripada Kerajaan Negeri dan memantau projek-projek pembangunan yang diluluskan di peringkat Persekutuan. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-sebelas (RMKe-11), MOTAC telah merancang untuk Projek Menaik taraf Bypath E,F,G,H,I dan J, Bukit Bendera, Pulau Pinang dengan kos projek sebanyak RM2.4 juta dan Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Sungai Tukun, Taman Negara Pulau Pinang dengan kos projek sebanyak RM2.5 juta.

